

27/11/2001

Profesor jangka tiada peningkatan besar balu kahwin semula

AKTA Pencen 1980 akan dipinda dengan memasukkan syarat baru meneruskan bayaran pencen kepada balu selepas mereka berkahwin semula selaras dengan pengumuman Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika pembentangan Belanjawan 2002 baru-baru ini.

Berikutan itu, ramai yang menjangkakan pelbagai perubahan akan berlaku dan antaranya jumlah balu berkahwin semula mungkin meningkat. Mungkinkah kelonggaran itu akan menyebabkan lebih ramai balu berkahwin lagi?

Pensyarah Jabatan Sosiologi dan Antropologi Universiti Malaya (UM), Prof Dr Fatimah Daud berkata, perubahan akan berlaku tetapi dalam bentuk yang sukar dijangka kerana tabiat manusia tidak sama.

Beliau berkata, tanggapan bahawa jumlah balu akan berkahwin dijangka meningkat disebabkan pengumuman yang dibuat ditujukan khas kepada golongan berkenaan.

"Bergantung juga pada jumlah pencen yang diterima, jika sedikit tidak membawa perubahan. Yang baiknya, bagi balu sudah berkahwin selain mempunyai tempat bergantung mereka juga mendapat wang tambahan untuk menyara keluarga.

"Bagaimanapun, itu hanya jangkaan rambang dan kebarangkalian berlaku ditentukan oleh keadaan dan individu terbabit. Jika berlaku perubahan pada statistik balu yang berkahwin, saya fikir ia tidak akan menunjukkan peningkatan besar," katanya.

Ini disebabkan sifat semula jadi wanita yang tidak akan terburu-buru mencari teman baru selepas kematian suami dan keputusan itu juga berkait rapat dengan pengaruh masyarakat sekeliling yang sering beranggapan buruk terhadap balu atau janda.

Beliau turut melahirkan keyakinan bahawa jumlah balu yang berkahwin tidak begitu ramai, apatah lagi kebanyakan mereka yang menjadi balu adalah kalangan yang berumur.

"Saya tidak mempunyai statistik tepat tetapi daripada jumlah balu yang kehilangan suami boleh dianggarkan hanya satu pertiga saja yang berkahwin semula, terutama yang masih muda.

"Selebihnya, lebih senang menumpukan perhatian kepada tugas mencari rezeki untuk membesarkan anak daripada memikirkan soal mencari teman hidup baru," katanya.

Mengenai kesan besar daripada pengumuman yang dianggap sebagai pemberian murah hati serta bukti kesungguhan kerajaan menjaga kepentingan wanita, beliau melihat perkara itu berdasarkan sistem kehidupan masyarakat berbudaya.

Selain itu, katanya, sebab musabab sesuatu fenomena perlu dikaji bagi membolehkan orang ramai memahami kenapa berlaku perkara itu dan apakah yang boleh dilakukan bagi memperbaiki keadaan.

Fatimah berkata, balu tidak berkahwin bukan hanya kerana takut hak pencen ditarik balik tetapi disebabkan faktor lain seperti memikirkan perasaan anak atau masalah lain yang sering dikaitkan dengan kehadiran bapa tiri.

Lagi pun katanya, dalam budaya masyarakat kita tidak melihat wanita mencari lelaki dan kebanyakan wanita yang berpisah mati atau bercerai dengan suami biasa hidup bersendirian.

Bagaimanapun katanya, tidak dinafikan ada balu yang terpaksa menyimpan keinginan berkahwin semula tetapi apabila memikirkan mengenai syarat pemberian pencen yang ditetapkan, hasrat itu dilupakan begitu saja.

Pindaan undang-undang yang bakal dilaksanakan nanti memberi ruang kepada balu mencari pengganti suami dan ayah kepada anak.

"Ini satu perubahan baik iaitu kita dapat melihat anak yang kehilangan kasih sayang bapa berpeluang menjalani kehidupan berkeluarga.

"Perubahan ini pastinya menjamin keselamatan dan status balu terbabit tetapi sukar diramalkan kerana seramai mana yang akan mencari jodoh apabila sudah biasa dengan keadaan sedia ada. Tidak mustahil jika perkahwinan bukan lagi sesuatu yang penting dalam hidup mereka," katanya.

Beliau tidak menyangkal kemungkinan akan timbul kes suami lepas tangan dan menjadikan wang pencen sebagai alasan untuk tidak memberi nafkah kepada isteri mereka, tambahan pula jika jumlahnya agak besar.

"Kita bukan ingin memikirkan sesuatu yang buruk tetapi dalam pusingan kehidupan pelbagai kemungkinan boleh berlaku dan kita tidak mampu menafikan satu kemungkinan itu adalah suami mengambil sikap lepas tangan," katanya.

Katanya, perubahan undang-undang adalah demi kebaikan tetapi ia boleh menjurus kepada perkara yang tidak disangka. Justeru, beliau mahu wanita menggunakan pemberian itu ke arah mempertingkatkan mutu kehidupan dan kelonggaran yang diberikan perlu dikaji kebaikan dan keburukannya supaya keputusan yang diambil tidak membawa mudarat.

(END)